



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR cuba memetik gambus sebagai simbolik ketibaan baginda di Pekarangan Laman Diraja Pontian, Johor, semalam. - BERNAMA

Jelajah 858 kilometer erat hubungan istana Johor dan rakyat

# KMJ 2015 berlepas dari Pontian

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM  
utusanjohor@utusan.com.my

## PONTIAN 10 OGOS

**K**EMBARA Mahkota Johor (KMJ) 2015 yang menjelajah ke semua daerah sejauh 858 kilometer bermula hari ini, bakal mengeratkan hubungan antara istana dengan rakyat jelata.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, program tahunan yang memasuki edisi ke-18 itu juga amat dinanti-nanti oleh rakyat berbilang kaum di negeri ini.

"Penganjuran KMJ sejak 15 tahun lalu, dilihat dapat mengeratkan hubungan baik antara istana dengan rakyat untuk memperkuuhkan institusi raja berperlembagaan. Ini merupakan peluang yang dinantikan rakyat untuk bertemu Sultan."

"Rakyat negeri ini perlu berasa



bertuah kerana mempunyai sultan yang prihatin terhadap perkembangan rakyat di setiap daerah," katanya dalam Majlis Pelepasan Kembara Mahkota Johor 2015 di pekarangan Laman Diraja Pontian, di sini hari ini.

KMJ 2015 selama empat hari itu dilancarkan sendiri oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Yang turut berangkat ke majlis

berkenaan, Permaisuri Johor, Tuanku Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah; Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isterinya, Che' Puan Khaleeda Bustamam serta putera dan puteri baginda.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Ismail Karim dan barisan Exco kerajaan negeri.

Mohamed Khaled berkata, program berkenaan juga mampu menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

Program bertemakan 'Muafakat Bangsa Johor' itu diketuai oleh Sultan Ibrahim yang menunggang motosikal Harley Davidson Street Glide dan disertai peserta konvoi yang terdiri daripada kerabat diraja dan pegawai kerajaan.

Hari ini, Sultan Ibrahim dan peserta konvoi bertemu rakyat jelata di daerah Pontian dan Batu Pahat sebelum bermalam di Muar.

Esok konvoi akan menjelajah ke daerah Muar, Segamat dan Kluang.



**Penganjuran KMJ sejak 15 tahun lalu, dilihat dapat mengeratkan hubungan baik antara istana dengan rakyat untuk memperkuuhkan institusi raja berperlembagaan. Ini merupakan peluang yang dinantikan rakyat untuk bertemu Sultan."**

**MOHAMED KHALED NORDEN**  
**Menteri Besar Johor**